

# JPS berjaya selesai projek RMK9

Perancangan hanya dibuat selepas peruntukan diluluskan

**SUNGAI BESAR** – Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sabak Bernam berjaya menyelesaikan semua projek yang dilaksanakan dalam peruntukan Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9).

Jurutera Daerah Sabak Bernam, Abdul Aziz Mohamed Yusof berkata, RMK9 sudah semakin hampir ke penghujungnya dan JPS sedang dalam usaha memuktamadkan projek yang dilaksanakan dalam RMK9 itu.

“Semua projek sudah siap dalam tempoh sepertimana yang ditetapkan antaranya Rancangan Saliran Sekendi, membina benteng sempadan hutan hala cara baru, membaik pulih muara Sungai Pulau dan membina benteng Pantai Jalan 1-2 Bagan Sungai Besar,” katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam yang dihoskan Jabatan Pengairan dan Saliran, di Dewan Sri Bernam, di sini.



■ **ABDUL AZIZ**

Abdul Aziz berkata, JPS juga memohon peruntukan dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk melaksanakan projek dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang memberi tumpuan kepada usaha mengatasi banjir, kawalan hakisan, menaik taraf sistem saliran dan pemodenan sistem pengairan.

Beliau berkata, JPS dalam perancangan membina ko-

lam tadahan banjir di Sungai Panjang dalam RMK10 nanti bagi mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan.

“Selain itu, kita juga merancang menaik taraf infrastruktur pengairan melalui Barat Laut Selangor dan kita akan bertindak melaksanakan kerja penyelenggaraan dan operasi dalam meningkatkan sistem pengairan di sini.

“Dalam RMK10 nanti juga, kita akan memberi tumpuan terhadap muara sungai yang semakin bermasalah kerana timbunan lumpur dan pasir. Ini kerana, keadaan muara yang sebu menyukarkan nelayan untuk keluar masuk ke laut. Turut termasuk dalam perancangan RMK10 adalah menaik taraf jalan ladang,” katanya.

Menurutnya, walaupun pelbagai perancangan dilakukan untuk dilaksanakan dalam RMK10, ianya hanya



■ **Penjawat awam daerah Sabak Bernam membaca ikrar yang diketuai oleh Penolong Jurutera Kanan JPS Sabak Bernam, Halim Masri.**

boleh dilaksanakan sekiranya peruntukan yang dipohon mendapat kelulusan.

“Kita sekadar merancang projek dan memohon peruntukan namun perlaksa-

naannya bergantung kepada peruntukan yang diluluskan,” katanya.